

Sabtu, 3 September 2016

### 1. Segerakan insentif penguatkuasa imigresen

PORTR DICKSON 3 Sept. - Kementerian Dalam Negeri (KDN) diminta menyeferakan pembayaran insentif penguat kuasa RM200 sebulan kepada pegawai penguat kuasa Jabatan Imigresen Malaysia yang bertugas di lapangan dan depot imigresen.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, kerajaan sebelum ini telah meluluskan bayaran insentif penguat kuasa kepada pegawai penguat kuasa imigresen yang layak.

"Pegawai penguatkuasa yang terlibat ialah Pengguna Imigresen, Penolong Pengguna Imigresen dan Pegawai Imigresen gred 54 ke bawah yang menjalankan tugas penguatkuasaan di lapangan dan depot imigresen...saya telah minta KDN dan Jabatan Imigresen supaya segera laksanakannya dengan diketuai bajet daripada KDN.

"Pemberian insentif ini merupakan keputusan kerajaan dalam memenuhi tuntutan kesatuan imiresen agar pegawai-pegawai imigresen diperuntukkan bayaran insentif penguatkuasa seperti yang dinikmati beberapa agensi penguatkuasaan lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai Imigresen Gred KP19 siri 2/2016 di sini hari ini.

Ali berkata kira-kira 4,000 pegawai penguat kuasa imigresen di seluruh negara akan menerima manfaat ini.

"Pemberian elauan ini juga diharap dapat meningkatkan hasil daripada kementerian dan jabatan kerana imigresen mempunyai potensi tinggi untuk tingkatkan hasil antaranya melalui kompaun dan sebagainya yang mana ia juga sekali gus dapat mendisiplinkan pengguna.

"Bukan sahaja imigresen namun semua kementerian dan jabatan kerajaan memikirkan kaedah Strategi Lautan Biru bagaimana untuk sumbangkan hasil kepada negara sama ada cari sumber hasil baharu atau kurangkan kos keseluruhannya," katanya. - BERNAMA

Selesa, 6 September 2016

## 2. MyIMMs: PAC panggil KDN, imigresen

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen akan dipanggil untuk prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) esok berhubung isu Program Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs).

Pengerusi PAC, Dato Hasan Arifin berkata, KDN merupakan satu daripada dua kementerian yang dipanggil dalam prosiding itu manakala Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pula mengenai isu sistem bekalan air terawat.

"Esok, PAC akan memanggil KDN dan Jabatan Imigresen dalam prosiding membabitkan myIMMs," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kontroversi myIMMs muncul apabila Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 1 pada 18 Mei lalu mendedahkan, kemudahan biometrik program itu yang bernilai RM10.3 juta bukan sahaja tidak memuaskan, malah tidak dipasang di pintu masuk negara.

Berikutan laporan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada 27 Mei mendedahkan seramai 100 anggota serta pegawai imigresen dan anggota sindiket telah disiasat pihak berkuasa atas kesalahan mensabotaj myIMMs.

Hasilnya, 37 pegawai dan kakitangan imigresen yang bertugas di pintu masuk utama negara dikenakan tindakan tatatertib dengan 15 orang dibuang kerja, 14 orang digantung tugas manakala lapan orang lagi ditangguhkan kenaikan gaji.

Dalam pada itu, Hasan memaklumkan, hari ini PAC sudahpun memulakan prosiding selama tiga hari tersebut dengan memanggil pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa).

Katanya, prosiding hari ini tertumpu kepada sistem bekalan air terawat untuk masyarakat Orang Asli yang terkandung dalam Program Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli sebagaimana dilaporkan dalam Laporan Audit Negara 2014 Siri 3.

Jelasnya, dalam prosiding itu, PAC telah mendengar penjelasan Ketua Setiausaha kementerian berkenaan, Datuk Mohd. Arif Ab. Rahman serta Ketua Pengarah Jakoa, Mohd. Jamaluddin Kasbi.

"Pada Rabu pula, PAC akan mendengar prosiding Program Bekalan Air Luar Bandar di Sabah yang juga terletak di bawah kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah," katanya.

Jumaat, 9 September 2016

### 3. KWSP catat pendapatan rm8.44 bilion bagi suku kedua 2016

KUALA LUMPUR 9 Sept. - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melaporkan pendapatan pelaburan suku tahunan sebanyak RM8.44 bilion bagi suku kedua (Q2 2016) berakhir 30 Jun, 2016, penurunan tahun ke tahun sebanyak 26.04 peratus berbanding RM11.41 bilion pada suku kedua 2015.

Aset pelaburan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.76 peratus atau RM5.17 bilion, kepada RM689.69 bilion berbanding RM684.52 bilion pada 31 Dis, 2015.

Sejak akhir tahun lepas, KWSP telah membuat persediaan bagi mengharungi persekitaran ekonomi domestik dan global yang mencabar," kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, dalam satu kenyataan bagi mengumumkan prestasi pelaburan suku kedua 2016, di sini hari ini.

Ketidaktentuan itu diburukkan lagi oleh perkembangan seperti Brexit dan harga komoditi yang rendah, katanya.

"Kami telah melihat dan menjangkakan kelembapan selanjutnya dalam ekonomi global dan turun naik yang ketara dalam ekuiti. Pasaran menyaksikan penilaian yang lebih rendah dalam harga saham, terutama dalam sektor kewangan serta minyak dan gas, berbanding suku yang sama tahun lepas, kata Shahril Ridza.

Menggunakan langkah berhemat mengikut piawaian perakaunan antarabangsa IFRS 139, dana simpanan persaraan utama Malaysia itu memperakui kekurangan bukan tunai berjumlah RM3.15 bilion dalam pelaburan ekuiti yang disenaraikan dalam tempoh suku tahun berkenaan, yang menunjukkan harga ekuiti yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.

Pada asas kasar, pendapatan pelaburan suku tahun pada suku kedua 2016 berjumlah RM12.07 bilion, atau RM233.95 juta lebih tinggi berbanding RM11.83 bilion yang dicatatkan pada suku kedua 2015.

Bagaimanapun, sebagai dana berhemat, kami terus memperakui kerugian pasaran dalam penyata pendapatan dan pada masa yang sama mencatatkan keuntungan pada kunci kira-kira kami.

"Ini akan memastikan kunci kira-kira kami kekal sihat dan membolehkan kami untuk memanfaatkan sebarang pemulihan dalam pasaran. Kekurangan dalam nilai pasaran semasa akan memberi peluang kepada kami untuk merealisasikan keuntungan pada masa depan," kata Shahril Ridza.

Pada suku kedua 2016, ekuiti yang mewakili 40.94 peratus daripada jumlah aset pelaburan KWSP, menyumbang RM3.83 bilion, mewakili 45.37 peratus daripada jumlah pendapatan pada suku tersebut.

Ini merupakan 45.03 peratus lebih rendah daripada RM6.97 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun 2015.

Bagaimanapun, pendapatan kasar sebelum kekurangan daripada ekuiti tersenarai berjumlah RM7.46 bilion adalah lebih tinggi sedikit berbanding RM7.39 bilion yang direkodkan dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Sehingga Jun 2016, sebanyak 51.61 peratus daripada aset pelaburan KWSP adalah dalam instrumen pendapatan tetap yang terus memberikan impak pendapatan yang konsisten dan stabil kepada sederhana ekoran penurunan tahun ke tahun dalam pasaran ekuiti.

Suku kedua menyaksikan pelaburan pendapatan tetap mencatatkan pendapatan sebanyak RM4.07 bilion, bersamaan dengan 48.27 peratus daripada pendapatan suku tahun.

Pendapatan daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) (amp) Bersamaan pada suku kedua 2016 meningkat 9.48 peratus atau RM169.45 juta kepada RM1.96 berbanding RM1.79 bilion pada Q2 2015.

Sementara itu, Pinjaman dan Bon menjana pendapatan pelaburan sebanyak RM2.12 bilion, berbanding RM2.02 bilion pada suku kedua 2015.

Pelaburan dalam instrumen pasaran wang dan harta tanah serta infrastruktur masing-masing mencatatkan 3.87 peratus dan 3.59 peratus daripada jumlah aset pelaburan, dan menyumbang pendapatan pelaburan sebanyak RM239.32 juta dan RM294.83 juta pada suku kedua 2016.

"Kami terus berhati-hati dalam unjuran kami, dan terus menjangkakan ketidaktentuan global ekoran unjuran pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih rendah untuk 2016 dan 2017 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), dan unjuran lemah dalam ekonomi membangun dan pesat membangun susulan pemilihan presiden Amerika Syarikat dan risiko berkaitan Brexit yang masih belum berakhir.

Shahril Ridza berkata, persekitaran kadar faedah yang rendah disebabkan oleh penurunan kadar faedah oleh bank pusat bagi merangsang ekonomi dijangka kekal untuk seketika dan akan memberi cabaran memandangkan lebih separuh daripada pelaburannya adalah dalam instrumen pendapatan tetap.

Pengurangan kadar faedah dalam negara baru-baru ini juga akan menjelaskan pendapatan jangka panjang ke atas pendapatan daripada instrument domestik," katanya.

"Bagaimanapun, kami terus memberi tumpuan kepada objektif pelaburan jangka panjang bagi menjaga dan meningkatkan nilai simpanan ahli," katanya.

Beliau berkata ia akan dilakukan dengan menyasarkan dividen sebenar untuk sekurang-kurangnya dua peratus mengatasi inflasi yang dikira dalam tempoh tiga tahun. - BERNAMA

Selasa, 13 September 2016

#### 4. Beku aset majikan lindungi PATI mulai Okt.

SEPANG 13 Sept. - Jabatan Imigresen akan menguatkusakan undang-undang pembekuan serta penyitaan terhadap aset atau akaun milik majikan industri yang melindungi pendatang asing tanpa izin bermula Oktober ini.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali berkata, langkah tersebut adalah selaras dengan beberapa peruntukan undang-undang sedia ada termasuk Seksyen 56 (1) Akta Imigresen 1959/63.

"Langkah ini bagi memastikan semua pihak terutama industri mematuhi undang-undang sedia ada melibatkan tempoh pasport, permit dan visa pekerja asing mereka.

"Ketika ini, kita ingin memberi masa kepada majikan untuk mendapatkan pendidikan dan kesedaran sewajarnya, sebelum tindakan penguatkuasaan diambil. Kita minta perkara ini diperluaskan oleh pihak media bagi memastikan majikan tidak tersentak dengan penguatkuasaan kelak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar pada majlis korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha di Depot Tahanan Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Imigresen KLIA, Shamril Faizalis Shamsul Bahari dan Komandan depot, Thalhah Salleh.

Dalam pada itu, Mustafar memberitahu, pihaknya juga akan berbincang dengan beberapa agensi dalam usaha menyelesaikan masalah rakyat Malaysia yang disekat ke luar negara.

Jelas beliau, agensi-agensi tersebut termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Jabatan Insolvensi.

"Kita sedar ada permasalahan berlaku apabila salah seorang daripada kumpulan penumpang yang hendak ke luar negara disekat atas sebab-sebab tertentu. Ini akan menyukarkan perjalanan mereka secara keseluruhan.

"Oleh itu, kita mahu meminta agensi-agensi tersebut menempatkan pegawai masing-masing di kaunter pelepasan lapangan terbang bagi menyelesaikan masalah ini," katanya.

Berhubung masalah cip pasport baharu yang dikatakan tidak berfungsi di pagar automatik beberapa lapangan terbang, Mustafar berkata, pihaknya juga akan berbincang dengan pihak pembekal berhubung perkara berkaitan.

"Perbincangan ini termasuk meminta pihak pembekal menempatkan juruteknik mereka di kaunter-kaunter terlibat untuk menyediakan bantuan jika masalah tersebut berulang," katanya.



Khamis, 22 September 2016

### 5. SPRM buru 4 lagi suspek termasuk penguat kuasa

ALOR SETAR 21 Sept. - Empat lagi saki baki sindiket kereta klon termasuk dua anggota penguat kuasa telah dikenal pasti dan akan dibawa ke muka pengadilan ekoran penahanan empat suspek termasuk dalangnya, seorang kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Kedah di sini semalam disyaki menyalahguna sistem pendaftaran agensi itu.

Pengarah Bahagian Risikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, pihaknya giat memburu empat individu tersebut selepas siasatan dijalankan terhadap empat suspek utama yang dipercayai mengepalai sindiket itu sejak Februari hingga Julai lalu.

Tambah beliau, SPRM percaya sindiket tersebut akan lumpuh selepas kesemua suspek tersebut yang dikenal pasti ditahan selepas ini.

"Berdasarkan pendaftaran JPJ kesemua kereta itu didaftarkan dalam tempoh Februari hingga Julai lalu oleh suspek. Hasil siasatan SPRM mendapati sindiket tersebut menjual 67 kereta mewah di seluruh negara dalam tempoh tersebut melalui laman sosial.

"Sehingga kini SPRM berjaya mengenal pasti 67 kereta klon yang didaftarkan itu dan 17 daripadanya berjaya dirampas dalam Ops Piang sebelum ini dan 46 buah lagi masih dikesan manakala status empat lagi kenderaan masih dalam siasatan," katanya dalam sidang akhbar di pejabat SPRM Kedah di sini hari ini.

Kata beliau, seorang kakitangan JPJ berusia 31 tahun dan suaminya dipercayai dalang sindiket ditahan SPRM semalam bagi membantu siasatan berkaitan sindiket kereta klon dari negara jiran itu.

"Turut ditahan seorang ejen kereta terpakai yang dipercayai membekal kereta mewah itu dan peniaga dalam talian dipercayai bertanggungjawab mempromosikan kereta klon berkenaan dalam media sosial," katanya.

Ahmad Khusairi memberitahu, sindiket tersebut dikesan hasil operasi lanjutan SPRM bersama JPJ sejak tahun 2015 yang berjaya merampas 448 kenderaan klon.

Bagaimanapun, katanya, modus operandi sindiket kereta klon tersebut berbeza berbanding sebelum ini iaitu dua kenderaan menggunakan dua nombor pendaftaran yang sama.

"Dulu kes klon dua kereta nombor pendaftaran sama tetapi kali ini kereta klon berkenaan didaftar dan dikeluarkan geran.

"Suspek dikesan menggunakan taktik baharu iaitu mendaftar dan mengeluarkan geran hak milik baharu kepada pembeli selepas menggunakan beberapa dokumen palsu untuk tujuan tersebut," katanya.

"Jumlah keseluruhan jualan daripada kereta klon yang berjaya dikutip sindiket itu dianggarkan secara purata adalah sebanyak RM6.7 juta," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, SPRM juga kini memburu 46 pemilik kereta mewah yang dibeli daripada sindiket tersebut.

"Kita sudah mengenal pasti pemilik-pemilik kereta berkenaan memandangkan kita mempunyai rekod seperti nama dan alamat penuh mereka.

"Pemilik kereta tersebut diberi tempoh seminggu untuk menyerahkan kereta itu kepada SPRM atau bakal dikenakan tindakan tegas selepas ini," katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai sindiket ini boleh menghubungi Pegawai Penyiasat SPRM, Penguasa Kanan Azahar Lias di talian 012-4905986 atau 04-7001884.



Selasa, 27 September 2016

## 6. Serang 1MDB kerana industri tenaga?

**Agenda Dr. Mahathir didakwa tiada kaitan gerakan 'Selamatkan Malaysia'**

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin mendakwa, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ditubuhkan untuk membebaskan industri tenaga daripada cengkaman bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, Dr. Mahathir sedar sekiranya perancangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu berjaya, ia akan menyebabkan kawalannya terhadap industri tenaga berakhir.

"Jadi, beliau melakukan sabotaj terhadap 1MDB, mula-mula dengan mensabotaj tawaran permulaan awam (IPO) dan kemudian, dengan menyebarkan kisah bahawa 1MDB mengalami kerugian RM42 bilion.

"Walhal, nilai asetnya melebihi liabiliti sebanyak RM9 bilion dan apa yang dikatakan kerugian RM42 bilion itu adalah jumlah pinjaman," katanya melalui portal Malaysia Today, <http://www.malaysia-today.net> hari ini.

Raja Petra berkata, Najib tahu mengapa Dr. Mahathir menyerang 1MDB sejak Disember 2014 dan ia tidak mempunyai kaitan dengan gerakan 'Selamatkan Malaysia' seperti yang didakwa bekas Perdana Menteri itu.

Beliau memberitahu, Perdana Menteri juga tahu matlamat Dr. Mahathir sejak 1990 adalah untuk menguasai industri tenaga yang menyalurkan kira-kira RM20 bilion setahun kepada pengeluar tenaga bebas (IPP).

"Apabila Najib menjadi Perdana Menteri, industri tenaga dikuasai oleh proksi dan kroni Dr. Mahathir," jelasnya.

Menurut Raja Petra, memandangkan Najib tidak boleh memiliki negarakan agensi yang telah diswastakan, maka pengambilalihan IPP perlu dilakukan secara komersial melalui sebuah GLC.



Rabu, 28 September 2016

#### **7. Rasuah: Bekas penjawat awam dijel tiga tahun, denda RM9.2 juta**

KUALA LUMPUR 28 Sept. - Bekas pegawai di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dihukum penjara tiga tahun dan denda RM9.25 juta selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tujuh pertuduhan meminta dan memperoleh suapan bagi projek kemasyarakatan kerajaan melibatkan RM18.5 juta.

Hakim Allaudeen Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap Hazmi Samsudin, 41, yang bertugas sebagai penolong pegawai di unit Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) kementerian berkenaan ketika kejadian selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Walau bagaimanapun mahkamah membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman penjara dan denda itu ditangguhkan sementara menunggu rayuan selesai.

Hazmi didakwa meminta suapan bagi projek kemasyarakatan 1Azam bagi menaik taraf dan membaik pulih balai raya, dewan masyarakat, surau dan masjid membabitkan 10 peratus daripada nilai keseluruhan projek hampir RM18 juta daripada empat individu bernama Zainal Arifin Lahuri, Zamzuri Abdullah, Fadzil Anuar Ahmad dan Mohd. Khairil Isma Abdullah Bacha.

Ia sebagai dorongan untuk mendapatkan persetujuan ketua setiausaha KPWKM melantik kontraktor Kelas F tempatan untuk melaksanakan projek itu.

Hazmi didakwa melakukan kesalahan itu di Jalan PH 2, Putra Heights, Sungai Merab Luar, Bandar Baru Bangi, Hulu Langat, Selangor, pada hujung 2010.

Dia turut didakwa enam pertuduhan memperoleh suapan 10 peratus daripada setiap enam projek kerajaan melalui enam syarikat berlainan dengan perantaraan seorang individu bernama Zainal Arifin.

Dia didakwa menerima sogokan secara keseluruhan berjumlah RM596,628 di sini antara Mei dan Jun 2011.